

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA PENGAJIAN MELAYU
BEIJING 2009**

*Sempena Ulang Tahun Ke-35 Hubungan Diplomatik
Malaysia - Republik Rakyat China*

***Tatacara
Jadual
Abstrak***

31 Mei - 3 Jun 2009 di Beijing Foreign Studies University

Penganjur



Lembaga Persahabatan China Dengan
Luar Negara



Beijing Foreign Studies
University

Denagn kerjasama Universiti Malaya

**KESAN KEBANGKITAN DINASTI SUNG-YUAN
KEPADA PERKEMBANGAN KEDAH TUA:
SATU ANALISIS SOSIOEKONOMI***

Oleh:

**Nasha Rodziadi Khaw
Nazarudin Zainun
Tarmiji Masron
Zulkifli Jaafar**

Pendahuluan

Kewujudan Kedah Tua dipercayai bermula sejak zaman perkembangan empayar Funan yang menguasai pelabuhan tersebut pada sekitar kurun ke-2 lagi.¹ Kedah Tua terus berkembang sebagai pelabuhan entrepot yang dilawati oleh pedagang sehingga ke penghujung kurun ke-14, iaitu sehingga berkembangnya Kesultanan Melayu Melaka. Dalam jangkamasa yang panjang itu, pola perdagangan di Kedah Tua sering berubah-ubah bergantung kepada dasar perdagangan dua tamadun besar yang mengapit pelabuhan Kedah Tua di Timur dan Barat, iaitu tamadun China dan India. Kedah Tua secara berterusan dibayangi empayar besar yang mengambil kesempatan ke atas peranannya sebagai pusat entrepot untuk mengawal laluan perdagangan di Selat Melaka.

* Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil kajian melalui Geran Universiti Penyelidikan [RU] Universiti Sains Malaysia – 1001/PHUMANITI/816074, bertajuk "Kerajaan-Kerajaan Melayu Yang Hilang [Kurun Ke-3 Hingga Ke-13 Masihi]: Dari Segenting Kra Ke Tanjung Piai – Satu Kajian Sosioekonomi dan Lokasi".

¹ H. G. Quaritch Wales, *The Malay Peninsula in Hindu Times*, London: Bernard Quaritch, LTD, 1976, hlm. 62.

Pada zaman perkembangan awalnya, Kedah Tua dikuasai oleh empayar Funan, dan pada kurun ke-7, Kedah Tua menjadi sebahagian daripada Empayar Srivijaya.² Selepas kurun ke-9 pula, Kedah Tua dikuasai oleh kerajaan Suvarnabhumi. Selepas zaman Islamisasi awal, sekitar kurun ke-15, Kedah Tua dikuasai pula oleh Kesultanan Melayu Melaka.

Kajian arkeologi mengesahkan kemakmuran Kedah Tua sebagai sebuah pelabuhan maritim melalui jumpaan yang ditemui di sekitar Lembah Bujang. Kajian awal Kedah Tua dipelopori oleh Kolonel James Low pada 1850-an, sebelum diteruskan oleh I. H. N. Evans pada 1920-an dan 1930-an.³ Pada 1937-1938, H. G. Quaritch -Wales menjalankan kajian secara menyeluruh di Lembah Bujang dengan melakukan kerja galicari di lebih kurang 30 tapak candi. Berdasarkan kajian tersebut, beliau mengusulkan teori kolonialisme orang India di Kedah Tua.⁴ Seterusnya, pada 1959, kajian Alastair Lamb terhadap tapak Candi Bukit Batu Pahat memberi gambaran lengkap tentang struktur utama candi melalui kaedah galicari beliau yang lebih sistematik. Di dalam laporan tersebut,

² Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman dan Othman Mohd. Yatim, *Warisan Lembah Bujang*, 1992, Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia d/a Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 2.

³ Nik Hassan dan Othman, *Warisan Lembah Bujang*, hlm. 12.

⁴ Lihat buku H. G. Quaritch-Wales, *Archaeological Researches on Ancient Indian Colonization in Malaya* dlm JMBRAS, 1940, Jld. XVIII

beliau dengan jelas menentang teori kolonialisme yang dicadangkan oleh Quaritch-Wales.⁵

Pada 1970-an dan 1980-an, kerja galian diterajui oleh Muzium Negara dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang membawa kepada kajian semula serta pemuliharaan tapak-tapak tersebut. Kajian terpenting pada 1980-an oleh kedua-dua institusi tersebut ialah kajian di Sg. Muda, yang mencetuskan penemuan manik, kaca dan seramik secara tidak sengaja ketika kerja-kerja penggalian tali air dijalankan.⁶ Kajian susulan membawa kepada jumpaan blok-blok laterit, inskripsi pelayaran Buddhagupta, arca Buddha dan batu nazar.⁷

Bermula pada kurun kesepuluh, perdagangan di Sungai Mas telah berkembang dengan pesat berdasarkan kepada jumpaan seramik zaman Tang [618-906 masihi] dalam kuantiti yang amat banyak. Sungai Mas terus berkembang sebagai sebuah pelabuhan yang penting berdasarkan kepada jumpaan seramik-seramik China zaman seterusnya sehingga kurun ke-11 masihi.⁸ Pada masa yang sama, turut mula

⁵ Alastair Lamb, *Report on The Excavation and Reconstruction of Candi Bukit Batu Pahat, Central Kedah*, Kuala Lumpur: Museums Department, 1961.

⁶ Nik Hassan dan Othman, *Warisan Lembah Bujang*, hlm. 17.

⁷ Nik Hassan dan Othman, *Warisan Lembah Bujang*, hlm. 18.

⁸ Seramik lain yang ditemui ialah seramik Song [960-1279 masihi], Lima Dinasti [907-960], dan tembikar batu Yueh, tembikar jenis Samarra dan Celadon Lung-Chuan. Lihat Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman dan Kamarudin Zakaria, "The recent

berkembang kawasan pelabuhan di Pengkalan Bujang. Bermula pada kurun ke-11 pula menyaksikan perkembangan hebat Pengkalan Bujang sebagai sebuah pusat *entrepot*. Ini dibuktikan melalui jumpaan longgokan seramik Song-Yuan, kaca dari Asia Barat, manik, monumen Candi Hindu-Buddha dan cebisan logam serta ukiran batu. Penemuan-penemuan ini jelas membuktikan kepentingan Pengkalan Bujang sebagai sebuah pelabuhan *entrepot* yang amat penting dan dilawati oleh kapal-kapal dagang dari timur dan barat pada kurun ke-11 hingga kurun ke-13 masihi.⁹

Perkembangan ini berkait rapat dengan perdagangan. Makalah ini akan cuba membincangkan kaitan antara perkembangan Dinasti Sung-Yuan kepada kebangkitan Kedah Tua selepas kurun yang ke-11.

Kedah Tua dan Dunia Luar

Kedah Tua merupakan salah sebuah negara kota yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu, dan sebagai sebuah kota pelabuhan, ia memiliki ciri-ciri tertentu yang menentukan naik jatuhnya sebagai sebuah pelabuhan. Entiti-entiti politik di Semenanjung Tanah Melayu, termasuklah

Archaeological Discoveries in Kedah", dalam *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Studies*, Jilid LXVI Bahagian 2, 1993, hlm. 78.

⁹ Leong Sau Heng, "Collecting Centres, Feeder Points and Entrepots", dalam J. Kathirithamby-Wells dan John Villiers (ed.), *Southeastasian Port and Polity*, Singapore: Singapore University Press, 1990, hlm. 27-8.

Kedah Tua kebanyakannya terletak di kawasan lembangan sungai dan kawasan pesisir pantai. Antara lembangan-lembangan sungai dan pesisir pantai di kawasan pantai timur dan pantai barat Semenanjung Tanah Melayu dipisahkan oleh banjaran-banjaran gunung yang tinggi dan curam.

Kedah Tua berkembang daripada petempatan pesisir pantai di muara-muara sungai. Sejak zaman pra sejarah lagi, petempatan-petempatan sebegini telah mula berkembang di pantai timur dan pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Muara-muara sungai tersebut dapat dihubungkan ke pedalaman yang kaya dengan pelbagai sumber alam perdagangan melalui jalan sungai. Oleh yang demikian apabila wujud permintaan terhadap komoditi-komoditi yang ditawarkan, petempatan tersebut mula berfungsi sebagai pusat pengumpulan.

Perkembangan ini seterusnya membawa kepada kewujudan interaksi perdagangan antara masyarakat pedalaman dan pesisir. Dalam interaksi ini, masyarakat dari pedalaman akan menukar hasil-hasil hutan dengan hasil-hasil pertanian yang dimiliki oleh masyarakat pesisir. Kegiatan perdagangan sebegini menjadi asas kepada pembentukan

substruktur ekonomi sesuatu masyarakat pada ketika itu.¹⁰ Dengan berlakunya pertukaran komoditi, nilai surplus akan dikumpul, dan entiti politik akan terbentuk. Hal ini dapat dilihat dengan kewujudan banyak Negara-negara kota di pesisir Selat Melaka dan Laut China Selatan.

Sebagai sebuah kerajaan Maritim dengan petempatan pesisir yang terletak di muara sungai dan menghadap ke laut lepas, naik jatuhnya Kedah Tua banyak bergantung kepada faktor persekitaran ekonomi serantau yang melibatkan perubahan dasar perdagangan, laluan perdagangan yang digunakan, serta pasang surutnya permintaan terhadap sesuatu komoditi.¹¹ Tidak seperti kerajaan agraria yang bertunjangkan pertanian, kekuatan dan kekayaan kerajaan Kedah Tua terletak kepada kebolehannya menguasai laut dan mengaut keuntungan daripada perdagangan antarabangsa di perairan Asia Tenggara.¹²

Bagi kes perkembangan di Nusantara, naik jatuhnya kerajaan-kerajaan di pesisir Selat Melaka amat bergantung kepada dasar perdagangan yang diamalkan oleh China. Hal ini kerana empayar China

¹⁰ Abdullah Jumain Abu Samah, "Evolusi Negara-Negara Kota atau Bandar-Bandar Pra Moden", dalam *Jurnal Arkeologi Malaysia*, bil. 14, 2001, hlm. 104

¹¹ J. Kathirithamby-Wells, "Introduction: An Overview" dalam J. Kathirithamby-Wells dan John Villiers (eds.), *Southeast Asian Port and Polity*, hlm. 9.

¹² J. C. van Leur, *Indonesian Trade and Society*, hlm. 86.

yang besar, dan dengan jumlah penduduk yang tinggi menyediakan pasaran utama kepada komoditi-komoditi keluaran nusantara. Oleh yang demikian, dasar kerajaan China yang mempengaruhi pasang surut permintaan terhadap komoditi tersebut akan mendatangkan kesan langsung kepada keadaan politik dan sosioekonomi kota-kota pelabuhan pesisir Selat Melaka termasuklah Kedah Tua.

Empayar China dan Perkembangan Kedah Tua

Perubahan pusat pelabuhan dan kemasyhuran Kedah Tua sebagai sebuah pelabuhan perdagangan sebenarnya bukan hanya disebabkan oleh faktor intristik seperti faktor semulajadi [lokasi strategik, muara Sungai Merbok yang terlindung dan kewujudan Gunung Jerai], tetapi amat bergantung kepada faktor ekstensif yang merupakan faktor pencetus dari tamadun-tamadun yang mengapitnya di Timur dan Barat, Utara dan Selatan pada ketika itu. Perkembangan Kedah Tua sebagai sebuah pusat perdagangan diperhatikan amat bergantung kepada persekitaran politik dan ekonomi dunia luar.¹³

Antara kurun kedua hingga kurun keempat masihi, diketahui bahawa Kedah Tua telah mula wujud sebagai sebuah pelabuhan

¹³ Hal ini akan dibincangkan di bawah.

perdagangan berdasarkan kepada sumber penulisan India.¹⁴ Jumpaan arkeologi yang dapat dipertarikhkan pada sekitar jangkamasa tersebut di Sungai Mas adalah amat kurang. Berdasarkan kajian terhadap seramik-seramik yang ditemui, perkembangan sebenar Kedah Tua di Sungai Mas cuma bermula pada kurun keenam masihi.¹⁵ Kesimpulan ini sebenarnya adalah konsisten dengan perkembangan kuasa talasokrasi Funan dengan pelabuhan *entrepotnya* di Oc-Eo¹⁶ yang menjadi pusat tumpuan pedagang China dan India.

Dalam jangkamasa tersebut, diperhatikan bahawa perkembangan Kedah Tua adalah agak terhad. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh dasar perdagangan kuasa maritim Funan yang memusatkan kepentingan-kepentingan perdagangannya di Oc-Eo melalui pasifikasi kota-kota pelabuhan yang lain. Para pengkaji percaya bahawa besar kemungkinan Kedah Tua pada masa ini cuma berfungsi sebagai *feeder points*¹⁷ kepada pelabuhan Oc-Eo. Artifak-artifak yang ditemui yang

¹⁴ Roland Braddell, *The Study of Ancient times*, hlm. 343 dan Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 180.

¹⁵ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdull Rahman, *Art, Archaeology and The Early Kingdom*, hlm. 238.

¹⁶ George Coedes, *The Indianized States of Souteast Asia*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968, hlm. 40-1 dan 46-7 dan Michael Vickery, *Society, Economic and Politic of Pre Angkor Cambodia*, Tokyo: The centre fo East Asian Cultural Studies for UNESCO, 1998, hlm. 19.

¹⁷ Feeder Port merupakan pusat-pusat tempat komoditi perdagangan dihasilkan atau dikumpul. *Entrepôt* pula merupakan tempat komoditi-komoditi perdagangan dari beberapa *Feeder Port* dikumpulkan dan diperdagangkan. Lihat Leong Sau Heng, "Collecting centres, Feeder Points and Entrepots", hlm. 29-30.

terdiri daripada seramik Tang di Sungai Mas¹⁸ mewakili zaman kemerosotan kuasa maritim Funan yang menyebabkan pelabuhan Kedah Tua dapat berkembang secara bebas tanpa kawalan untuk sementara waktu. Hal ini dibuktikan lagi dengan penghantaran ufti dari Kedah Tua ke China pada tahun 638 masihi.¹⁹

Perdagangan laut merupakan salah satu sumber ekonomi utama dalam memperkayakan perbendaharaan negara untuk Dinasti Song Utara. Salah satu sebab perdagangan laut menjadi penting pada zaman Song adalah kerana laluan perdagangan darat yang menghubungkan antara China dengan Asia Barat dan Eropah telah dikuasai oleh kerajaan Dinasti Hsia di Barat Laut China.²⁰ Pada awal kurun ke-10, Maharaja Tai Tsu telah menyerang dan menawan wilayah-wilayah di Selatan China dan menundukkan Annam.²¹ Tindakan tersebut adalah bertujuan untuk menguasai sumber-sumber hasil bumi di sana seperti kayu kayan dan minyak wangi yang mendapat permintaan tinggi ketika itu, sama ada di dalam ataupun luar China.

¹⁸ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman, "Recent Archaeological Discoveries" hlm. 73-5.

¹⁹ Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 119.

²⁰ C. P. Fitzgerald, *China: A Short Cultural History*, London: The Cresset Press, 1961, hlm. 385, 422, 426.

²¹ Wolfram Eberhard, *History of China*, California: University of California, hlm. 209.

Dasar Dinasti Song yang memberi keutamaan kepada kegiatan perdagangan²² telah mengukuhkan sumber ekonomi negara China. Hal ini kerana cukai-cukai yang dikenakan oleh kerajaan terhadap pedagang telah menyumbang kepada perbendaharaan negara.²³ Ini dapat dibuktikan dengan jumlah cukai bukan pertanian pada tahun 1160 di Kerajaan Song Selatan yang bernilai 40 Juta *String Copper*.²⁴ Pada tahun 1189 pula, jumlah perdagangan eksport meningkat kepada 68 Juta *String Copper*.²⁵ Kekayaan yang wujud ini adalah hasil manipulasi Maharaja-maharaja China terhadap dasar perdagangan mereka. Walau bagaimanapun, bukan kesemua dasar yang diamalkan menguntungkan pelabuhan-pelabuhan di Selat Melaka, khususnya di Kedah Tua.

Pada awal kurun ke-13 wujud peningkatan kapasiti perdagangan di Kedah Tua dengan kewujudan seramik-seramik Song Selatan dari Zheijiang.²⁶ Peningkatan kapasiti ini kemungkinan besar berkait rapat dengan dasar talasokrasi Srivijaya yang memaksa kapal-kapal untuk singgah di pelabuhan *entrepôt*nya.²⁷ Paksaan tersebut bukan sahaja

²² Wolfram Eberhard, *History of China*.

²³ Wolfram Eberhard, *History of China* hlm. 212.

²⁴ Wolfram Eberhard, *History of China*.

²⁵ Ann Paludan, , *Chronicle of the Chinese Emperors*, London: Thames and Hudson, 1998, hlm. 142.

²⁶ Michel Jacq Hergoualc'h, *The Malay Peninsula*, hlm. 446.

²⁷ Berdasarkan penulisan Chou Ku Fei, dinyatakan jika kapal-kapal pedagang yang lalu di perairan Srivijaya tidak singgah ke pelabuhan entrepot mereka, kapal tersebut akan diserang. Disebabkan faktor inilah pelabuhan-pelabuhan Srivijaya menjadi pusat perkapalan yang terkemuka. Lihat K. A Nilakantha Sastri, *Srivijaya*, hlm. 294.

melibatkan pelabuhan-pelabuhan di Sumatra, tetapi juga pelabuhan-pelabuhan di bawah kawalannya yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu.²⁸ Melalui peranan Kedah Tua sebagai batu asas kepada dominasi Srivijaya di Selat Melaka pada masa itu²⁹ sudah tentunya dasar yang sama juga dikuatkuasakan di sana. Walau bagaimanapun, keberkesanan penguatkuasaan ini terjejas apabila berlaku perubahan dalam dasar perdagangan China.

Pada awalnya, dasar *state monopoly* diamalkan oleh Dinasti Song Utara. Ini dapat dilihat dengan tindakan pemerintah yang mengawal dengan teliti kegiatan perdagangan dan mengenakan cukai terhadap barang dagangan. Kawalan Kerajaan Song terhadap perdagangan ini menguntungkan pelabuhan-pelabuhan *entrepôt* Srivijaya termasuk pelabuhan Kedah Tua. Di samping itu, dasar ufti yang diamalkan merupakan antara faktor yang membawa kepada kekayaan pelabuhan-pelabuhan di pesisir Selat Melaka.³⁰ Kapal-kapal dagang pada zaman Song Utara terdiri daripada kapal-kapal kerajaan yang berdagang dengan pusat-pusat *entrepôt* di Srivijaya. Kawalan Dinasti Song Utara terhadap perdagangan antarabangsa ini dibuktikan melalui

²⁸ H. G. Quaritch-Wales, *The Malay Peninsula in Hindu Times*, hlm. 157.

²⁹ H. G. Quaritch-Wales, *The Malay Peninsula in Hindu Times*, hlm. 195.

³⁰ O. W. Wolter, *Kejatuhan Srivijaya dalam Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 40-2.

kewujudan jawatan *Inspector of Foreign Trade* di setiap pelabuhan utama di China³¹ untuk mengawal perdagangan di sana.

Bermula dari penghujung kurun ke-12, telah mula berlaku perubahan-perubahan politik di China³² yang mendatangkan kesan secara langsung kepada persekitaran ekonomi di Nusantara. Pada masa tersebut, Dinasti Song Utara mula menghadapi masalah dengan puak-puak nomad yang menubuhkan dinasti-dinasti mereka sendiri di Utara dan Barat China. Puak-puak tersebut terdiri daripada puak Khitan³³, Tongut³⁴ dan Juchên.³⁵

Pada tahun 1125, Dinasti Chin [Puak Juchên] telah menjatuhkan Dinasti Liao [Puak Khitan] di utara dan menundukkan Dinasti Hsia [Puak Tongut] di Barat.³⁶ Pada 1126, mereka terus mara ke Peking dan Dinasti Song Utara terus digulingkan. Waris-waris Dinasti Song yang telah digulingkan berundur ke Selatan China dan mengasaskan Kerajaan Song Selatan yang berpusat di Nanking. Ancaman berterusan dari Puak

³¹ C. P. Fitzgerald, *China*, hlm. 423.

³² C. P. Fitzgerald, *China*, hlm. 426.

³³ Denis Twitchett dan Klaus-Peter Tietze, "The Liao" dalam Herber Franked and Denis Twitchett [ed.], *The Cambridge History of China Vol. 6*, Cambridge: Cambridge University Press, 1994, hlm. 43-4.

³⁴ Puak Ruth Dannel, "The His Hsia" dalam Herber Franked and Denis Twitchett [ed.], *The Cambridge History of China*, hlm. 155-6.

³⁵ Herbert Franke, "The Chin" dalam Herber Franked and Denis Twitchett [ed.], *The Cambridge History of China*, hlm. 216-7 dan 221.

³⁶ Pembahasan mengenai hal ini berdasarkan penulisan Ma Twan Lin dalam K. A. Nilakantha Sastri, "Srivijaya" dalam *BEFEO*, tome xl, hlm. 292.

Juchên dan Khitan yang berada di Utara menyebabkan dasar uffi yang selama ini menjadi tunggak kepada kekayaan pelabuhan-pelabuhan pesisir Selat Melaka mula diabaikan.

Di dalam catatan Ma Tuan Lin yang menyatakan bahawa pada tahun 1178, Maharaja Sung Hsiao Tung [1163-1190]³⁷ tidak membenarkan uffi-uffi dari San Fo Tsi [Suvarnadvipa] dihantar ke Istana, tapi sebaliknya dihantar ke Fukien.³⁸ Hal ini mungkin disebabkan perkembangan pelayaran pada Zaman Song Selatan yang membolehkan kapal-kapal sampai ke pelabuhan-pelabuhan terpecil. Lanjutan daripada dasar tersebut, bermula pada awal hingga penghujung kurun ke-13, kapal-kapal dagang yang datang ke nusantara mula terdiri dari kapal-kapal persendirian yang berdagang terus dengan pusat pengeluaran barangan khususnya di *feederport*.³⁹ Sedangkan dalam dasar sebelumnya semua kapal dagang hanya dibenarkan berdagang dengan pusat-pusat pengumpulan barangan tertentu sahaja.

Selepas kejatuhan Dinasti Song Selatan ke tangan orang-orang Mongol pada 1280, ketiadaan dasar perdagangan konsisten menyebabkan kegiatan perdagangan antara pedagang-pedagang

³⁷ Ann Paludan, , *Chronicle of the Chinese Emperors*, hlm. 136.

³⁸ K. A. Nilakantha Sastri, "Srivijaya" dalam *BEFEO*, tome xl, hlm. 292.

³⁹ O. W. Wolter, *Perdagangan Awal Indonesia*, hlm. 337 dan H. G. Quaritch-Wales, *The Malay Peninsula in Hindu Times*, hlm. 157.

China terus berada di dalam keadaan anarki.⁴⁰ Perubahan dasar China ini sebenarnya secara langsung tanpa disedari telah menjadi faktor utama kepada kejatuhan kebanyakan pelabuhan *entrepôt* di nusantara.

Keadaan ini tentunya meninggalkan kesan kepada pelabuhan-pelabuhan *entrepot* di pesisir Selat Melaka, terutamanya di Kedah Tua. Para pengkaji percaya bahawa pada penghujung kurun ke -13 masihi, Kedah Tua telah mula berada diambang kemerosotan. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan kewujudan lapisan stratigrafi kosong yang terdiri daripada tanah mendapan aluvium di atas lapisan zaman Song-Yuan⁴¹ serta kekurangan artifak yang dapat dipertarikhkan pada zaman tersebut. Kewujudan satu lapisan kosong tersebut membawa kepada interpretasi bahawa pelabuhan Kedah Tua telah mula diabaikan selepas kurun ke-13 masihi.

Hal ini kerana kemakmuran pelabuhan-pelabuhan *entrepôt* amat bergantung kepada monopoli perdagangan atau peranannya sebagai perantara antara pusat pengeluaran komoditi dengan pembeli. Apabila

⁴⁰ Para Berdagang tanpa mengikuti laluan yang telah ditetapkan dan berdagang di mana sahaja yang mereka suka. Lihat O. W. Wolters, *Perdagangan Awal Indonesia*, hlm. 337.

⁴¹ Jane. S. Allen., "Trade, Transportation, and Tributaries: Exchange, Agriculture and Settlement Distribution in Early Historic-Period Kedah, Malaysia", *Tesis Kedoktoran*, Hawaii: University of Hawaii, Tidak diterbitkan, 1988. hlm. 369 dan Michel Jacq-Hergouolac'h, *The Malay Peninsula: Crossroads of the Maritime Silk Road [100BC-1300AD]*, Leiden: Koninklijk Brill N. V., 2002, hlm. 451.

dasar perdagangan China membenarkan pedagang untuk berdagang terus secara bebas ke pusat-pusat pengeluaran, maka keadaan ini secara langsung sebenarnya telah membawa kepada kejatuhan pelabuhan *entrepôt*.

Di samping itu, terdapat juga dasar Dinasti Mongol yang cuba menghadkan penglibatan orang-orang berbangsa China di dalam aktiviti perdagangan antarabangsa.⁴² Keadaan perdagangan di nusantara mungkin lebih dihadkan lagi apabila tentera Mongol menguasai Burma, Annam dan Indochina yang dapat menyediakan pasaran eksport bagi perdagangan antarabangsa China dan Asia Tenggara.⁴³

Kesan perubahan politik China yang membawa kepada kemerosotan perdagangan di Nusantara secara amnya dan di Kedah Tua khususnya dibuktikan dengan ketiadaan penemuan seramik zaman Ming. Keadaan vacuum seramik ini menunjukkan bahawa penghujung zaman Song-Yuan merupakan *terminus ad quem* kepada aktiviti perdagangan *entrepôt* di Kedah Tua.⁴⁴

⁴² Pemerintah Mongol telah memperkenalkan pelbagai undang-Undang untuk menghadkan penglibatan orang-orang China dalam aktiviti perdagangan antarabangsa. Contohnya, Orang-orang China dilarang mempelajari bahasa asing. Lihat Wolfram Eberhard, *History of China*, hlm. 234.

⁴³ Wolfram Eberhard, *History of China*.

⁴⁴ Michel Jacq Hergoualc'h, *The Malay Peninsula*, hlm. 451.

Kesimpulan

Perkembangan Kedah Tua sebagai sebuah kota pelabuhan amat bergantung kepada perkembangan sosioekonomi dan percaturan politik dunia luar. Hal ini kerana sebagai sebuah negara kota maritim dengan substruktur ekonomi bertunjangkan kepada perdagangan, segala faktor yang mempengaruhi perdagangan akan secara langsung mempengaruhi perkembangan negara kota tersebut. Berdasarkan kepada perbincangan di atas, perkembangan pada zaman Sung-Yuan merupakan satu periode penting di dalam penzamanan Kedah Tua, kerana perubahan dasar kedua-dua dinasti tersebut telah secara berturutan memainkan peranan di dalam naik jatuhnya pelabuhan Kedah Tua.